



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN JABATAN PERHILITAN MENGENAI PEMOTONGAN GADING GAJAH BERNAMA KELAT DI ZOO TENNOJI, JEPUN

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia sentiasa terbuka menerima pandangan masyarakat umum yang prihatin serta memantau maklum balas berhubung kebajikan tiga (3) ekor Gajah Asia iaitu Dara, Amoi dan Kelat yang dihantar oleh Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS) ke Zoo Tennoji di Osaka (ZTO), Jepun baru-baru ini.

Berhubung isu tular melibatkan rawatan gading terhadap Kelat, Jabatan PERHILITAN ingin menjelaskan bahawa tindakan tersebut merupakan prosedur pengurusan veterinar yang dilaksanakan berdasarkan kepada penilaian klinikal dan pengurusan konservasi oleh pakar dengan memberi keutamaan terhadap kebajikan Kelat.

Kerosakan gading Kelat telah dikenal pasti pada sebelah kiri manakala pemotongan gading (*tusk trimming*) pada sebelah kanan dilakukan sebagai langkah pengimbangan (*balancing*) bagi mengelakkan ketidakseimbangan struktur yang boleh memberi tekanan kepada bahagian kepala dan rahang. Ketidakseimbangan ini berpotensi menyebabkan ketidakselesaan, meningkatkan risiko kecederaan serta

menjejaskan tingkah laku semula jadi seperti pergerakan, pemakanan dan interaksi sosial. Justeru, langkah rawatan dan pencegahan ini dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup jangka panjang Kelat.

Segala tindakan yang diambil adalah selaras dengan amalan kebajikan haiwan dan piawaian veterinar yang diiktiraf. Prosedur ini telah dilaksanakan secara terkawal dengan menggunakan pendekatan yang meminimumkan tekanan fisiologi kepada hidupan liar. Pemantauan berterusan turut dijalankan bagi memastikan pemulihan yang optimum dan kesejahteraan jangka panjang gajah berkenaan sentiasa terpelihara. Jabatan PERHILITAN berkerjasama dengan ZTNS dan ZTO dalam memantau keadaan Kelat serta Dara dan Amoi.

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

13 APRIL 2026